

LAPORAN CADANGAN MELAKUKAN PROJEK  
SISPUSOM DI (INSTITUT TEKNOLOGI MARA)  
JALAN OTEMAN DAN (INSTITUT TEKNOLOGI  
MARA) GAWANGAN PERLIS



BIRO PENYELIDIKAN & PERUNDINGAN  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM, SELANGOR  
MALAYSIA

## SINOPSIS

Jawatankuasa Pemandu SISPUKOM telah ditubuhkan pada September, 1989 oleh ITM dan telah diberi mandat untuk mengkaji dari segi perlaksanaan SISPUKOM di perpustakaan ITM Jalan Othman dan ITM Cawangan Perlis.

Kajian ini membuktikan sistem SISPUKOM telah berjaya dari segi rekabentuk sebagai perisian dan memenuhi 46% kehendak pengguna. Walau bagaimanapun peratusan ini dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa melalui pengubahsuaian dan penyelidikan.

Untuk menampung keperluan storan yang lebih tinggi, satu alternatif perkakasan dicadangkan agar dapat memenuhi kemudahan pengguna di masa-masa akan datang.

**KANDUNGAN****HALAMAN**

Penghargaan	vi
Ahli Jawatankuasa	vii
Senarai Jadual	x

**BAB I PENDAHULUAN**

1.1 Latarbelakang	1
-------------------	---

**BAB II BIDANG TUGAS**

2.1 Tujuan Penyediaan Laporan	3
2.2 Skop	3
2.2.1 Pemaju/Pembekal	3
2.2.2 ITM	4
2.2.3 Fungsi-Fungsi Logikal	4
2.3 Ukuran (Scale)	5
2.4 Konfigurasi Sistem	5
2.5 Harga Perkakasan	5
2.6 Pemeliharaan Perkakasan	5
2.7 Perisian	5
2.8 Keselamatan	5

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini dijalankan untuk memberi maklumat dan panduan kepada pihak ITM dalam melaksanakan SISPUKOM di perpustakaan ITM Jalan Othman dan ITM Cawangan Perlis.

Dalam usaha bagi menyiapkan kajian ini, Jawatankuasa ingin merakamkan penghargaan kepada Business Computers Sdn. Bhd. dan Universiti Utara Malaysia yang telah bekerjasama membantu Jawatankuasa.

Jawatankuasa juga ingin merakamkan penghargaan kepada Y.Bhg. Dato' Pengarah ITM yang telah menunjukkan minat terhadap kajian ini. Penghargaan juga diberi kepada Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat dan semua kakitangan ITM yang telah sama-sama membantu samada secara langsung atau tidak langsung bagi menjayakannya.

## BAB I PENDAHULUAN

### 1.1 LATARBELAKANG

Pada 12hb. September, 1989, satu mesyuarat SISPUKOM peringkat ITM telah diadakan dan bersetuju menubuhkan satu Jawatankuasa Pemandu SISPUKOM bertanggungjawab bagi melaksanakan sistem perpustakaan berkomputer di ITM Jalan Othman, Petaling Jaya dan perpustakaan ITM Cawangan Perlis. Jawatankuasa yang dilantik telah diberi tempoh tiga bulan bagi mengkaji dan menyiapkan laporan terperinci untuk dikemukakan kepada pihak pengurusan ITM untuk tindakan selanjutnya.

Mesyuarat pertama Jawatankuasa Pemandu SISPUKOM telah diadakan pada 9hb. Oktober, 1989. Dalam mesyuarat yang ini, dua buah Jawatankuasa Kecil telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Kecil Kehendak Pengguna SISPUKOM dan Jawatankuasa Kecil Perkakasan SISPUKOM.

Jumlah mesyuarat yang telah diadakan ialah sebelas kali dan ianya dihadiri oleh ahli-ahli kedua-dua Jawatankuasa Kehendak Pengguna SISPUKOM dan Jawatankuasa Perkakasan SISPUKOM. Tarikh-tarikh mesyuarat yang telah diadakan adalah seperti berikut :-

- o 9hb. Oktober, 1989
- o 8hb. November, 1989
- o 4hb. Disember, 1989
- o 13hb. Disember, 1989
- o 8hb. Januari, 1990
- o 15hb. Januari, 1990
- o 7hb. Februari, 1990
- o 19hb. Februari, 1990
- o 7hb. Mac, 1990
- o 19hb. Mac, 1990
- o 24hb. Mac, 1990

Satu buku yang mengandungi cadangan Kehendak Pengguna SISPUKOM telah disediakan oleh Jawatankuasa berkenaan dan ianya telah dibincangkan dengan teliti oleh ahli-ahli berdasarkan kepentingan ITM dan juga kemampuan pihak Business Computers Sdn. Bhd.